

Permohonan Anwar diputuskan hari ini

Kuala Lumpur: Permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk merujuk kepada Mahkamah Persekutuan, lapan persoalan undang-undang termasuk sama ada Perdana Menteri mempunyai imuniti daripada saman akan diputuskan Mahkamah Tinggi hari ini.

Rujukan persoalan undang-undang itu adalah berkaitan saman sivil yang difailkan oleh bekas penyelidikannya, Muhammad Yusoff Rawther, berhubung dakwaan serangan seksual yang dika-takan berlaku tujuh tahun lalu.

Hakim Roz Mawar Rozain menetapkan tarikh itu selepas mendengar hujahan peguam Alan Wong Teck Wei yang mewakili Anwar dan Muhammad Rafique Rashid Ali bagi pihak Muhammad Yusoff.

Melalui permohonan difailkan firma guaman Tetuan Zain Megat & Murad, minggu lalu, Anwar memohon supaya Mahkamah Persekutuan memutuskan sama ada Perkara 39, 40 dan 43 Perlembagaan Persekutuan memberi beliau kekebalan bersyarat daripada saman berkenaan.

Perkara itu membabitkan kuasa eksekutif tertinggi, hubungan kuasa antara Raja dan Kabinet dan pelantikan serta tanggungjawab Perdana Menteri dan Jemaah Menteri.

Dalam affidavit sokongannya, Anwar menegaskan permohonan itu dibuat bukan untuk melengahkan perbicaraan, tetapi bagi memastikan proses kehakiman berjalan adil dan mengikut lunas Perlembagaan.

Beliau memohon supaya mahkamah menimbangkan sama ada saman itu menjejaskan keupayaannya menjalankan tugas ek-

sekutif dan melemahkan prinsip pengasingan kuasa yang dijamin oleh Perlembagaan.

Perdana Menteri juga mahu mahkamah menentukan sama ada prosiding saman Muhammad Yusoff melanggar hak beliau un-

tuk dilayan sama rata di sisi undang-undang, seperti diperuntukkan dalam Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

Anwar turut memohon Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi

perlu menjalankan siasatan bagi menentukan sama ada saman itu adalah penyalahgunaan proses atau suatu ancaman kepada kepentingan awam.

Sekiranya benar, mahkamah perlu memutuskan sama ada saman itu wajar digantung atau dibatalkan demi mengekalkan tadbir urus berperlembagaan.

Anwar juga memohon Mahkamah Persekutuan menentukan sama ada beliau sebagai Perdana Menteri semasa, berhak menurut Perkara 5(1) Perlembagaan untuk perlindungan daripada litigasi yang bersifat strategik atau dipolitikkan bagi menjejaskan keupayaannya mentadbir negara.

Dalam saman yang difailkan oleh Muhammad Yusoff, dia mendakwa, kejadian berkenaan berlaku pada 2018, sebelum Anwar dilantik sebagai Perdana Menteri pada 24 November 2022.

Plaintif mendakwa, Ahli Parlimen Tambun itu melakukan serangan seksual dan pencerobohan ke atas dirinya walaupun dia menolak perbuatan defendan serta memintanya berhenti melakukan perbuatan itu.

Berikutan dakwaan itu, Yusoff selalu plaintif dituduh berkomploit untuk menjatuhkan dan merosakkan karier politik defendan, selain memberi impak kepada kesihatan mentalnya kerana mendapat kritikan pelbagai pihak.



Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin (kiri) tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto Ahmad Ukasyah/BH)

Ibadat & Faidilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Seorang hamba (manusia) berbicara dengan pembicaraan belum jelas baginya (hakikat dan akibatnya), maka dia akan terlempar ke neraka sejauh antara timur dan barat." (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:47	1:19	4:45	7:33	8:48
Alor Setar	5:48	1:19	4:44	7:32	8:48
P. Pinang	5:50	1:19	4:44	7:31	8:46
Ipoh	5:50	1:17	4:42	7:27	8:43
Kuala Lumpur	5:50	1:14	4:39	7:23	8:38
Shah Alam	5:50	1:14	4:39	7:23	8:38
Johor Bahru	5:43	1:06	4:30	7:11	8:26
Kuantan	5:44	1:09	4:34	7:16	8:31
Seremban	5:49	1:13	4:38	7:20	8:35
Bandar Melaka	5:49	1:12	4:37	7:19	8:33
Kota Bharu	5:42	1:12	4:37	7:24	8:36
K. Terengganu	5:39	1:08	4:33	7:19	8:35
Kota Kinabalu	4:46	12:16	3:41	6:28	7:44
Kuching	5:18	12:41	4:06	6:46	8:01